فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"KEAMANAN adalah penting, kerana tanpa keamanan, pembangunan tidak akan dapat dilaksanakan. Oleh itu, rukun keamanan, mustahaklah dipelihara dan diamalkan, iaitu memegang kuat ajaran ugama, mematuhi undang-undang serta hidup dalam keadaan harmoni dan bersatu padu. Inilah rahsia keamanan itu."
- Titah Sempena Menyambut Awal Tahun Baru Masihi 2017.

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# Pelita BRUNEI

فليتا بروني

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسڽ ايمان

MANISNYA IMAN

"BERIMANLAH kepada Allah dan Rasul-Nya, dan belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian daripada harta kurniaan-Nya yang dijadikan-Nya kamu sebagai penguasanya. Maka orang-orang yang beriman antara kamu dan membelanjakan (sebahagian daripada harta itu pada jalan Allah), mereka beroleh pahala yang besar."
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hadid, ayat 7).

Waktu Sembahyang

| IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 4.55 | 5.05 | 6.28 | 6.52 | 12.25 | 3.46 | 6.19 | 7.34 |

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 63 / BILANGAN 1 | 1 JANUARI 2018 / 1439 ربيع الأخير 14 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA


# Brunei Maju perlu kerjasama erat semua

Oleh : Hajah Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 31 Disember. - Dari tahun ke tahun, kita adalah semakin hampir kepada tempoh sasaran bagi Wawasan 2035.

Tempoh itu semakin ia menghampiri kita, maka semakin besarlah tanggungjawab untuk kita mempastikan bahawa, langkah kita tidaklah ke mana-mana, melainkan hanya terarah kepada sasaran sahaja, sehingga tercapainya matlamat "Brunei Maju".

Ke muka 2



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah sempena Menyambut Awal Tahun Baharu Masihi 2018.

# Pindaan Akta, Peraturan Pencen dan Elaun Kurang Upaya berkuat kuasa 1 Januari 2018

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 31 Disember. - Pindaan ke atas Akta dan Peraturan Pencen dan Elaun Kurang Upaya akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan bahawa setiap insan itu mempunyai keupayaan dan kelebihan yang berbeza-beza.

"Maka dalam hal ini, demi kesejahteraan Orang-Orang Kelainan Upaya, beta telah memperkenankan bagi pindaan ke atas Akta dan Peraturan Pencen dan Elaun Kurang Upaya", titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Menyambut Awal Tahun Baharu Masihi 2018.

Melalui pindaan itu, titah baginda, elaun kurang upaya juga akan dapat dihulurkan kepada mereka yang berumur di bawah 15 tahun yang layak pada kadar tertentu.

Baginda seterusnya bertitah, dengan pindaan itu diharapkan, kebajikan dan kesejahteraan penerima-penerima elaun tersebut akan lebih terjamin.

Terdahulu baginda bertitah, merafakkan syukur ke hadrat Allah Subahanahu Wata'ala kerana kerajaan dapat melaksanakan sebahagian besar daripada rancangan-rancangan negara pada tahun lalu.

Kita juga bernasib baik telah menikmati detik gemilang Sambutan Jubli Emas baginda Menaiki Takhta.

"Dengan tulus ikhlas beta sekali lagi merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat, baik secara langsung ataupun tidak dalam menjayakan Sambutan Jubli Emas dan semua acara di dalamnya," titah baginda.

Titah baginda, kemeriahan sambutan oleh semua lapisan rakyat dan penduduk, termasuk para pengunjung daripada luar negara, adalah mencerminkan keharmonian hidup bermasyarakat di negara ini.

Perkara itu, jelas baginda, perlu dipertahankan supaya negara terus kekal dalam aman dan makmur untuk diwarisi oleh generasi demi generasi.

IKUTI KAMI DI

infodept.bn | @Infodept_bn | Jabatan Penerangan — Jabatan Perdana Menteri



Muka 3

BERANGKAT sertai The Alpha Obstacle Challenge 2017



Muka 4

SKIM Miftaahun Najaah tingkatkan akademik pelajar

Pelita Brunei

# Brunei Maju perlu kerjasama erat semua

Dari muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah dalam mendukung "Brunei Maju", negara memerlukan kerjasama erat di antara pihak kerajaan, swasta dan rakyat seumumnya.

Demikian antara petikan Titah Perutusan Kebawah DYMM Sempena Awal Tahun Baharu Masihi 2018.

Baginda seterusnya bertitah, dengan kerjasama itulah akan menjadikan iklim perniagaan dan perusahaan bertambah mudah dan sekali gus akan menjadikan negara juga lebih menarik di mata pelabur-pelabur asing.

"Jika suasana begini mampu dikekalkan, maka itulah satu kelebihan bagi Brunei, di mana Brunei perlu memilikinya.

Di bidang pendidikan, negara adalah berhak untuk berbangga dengan kejayaan Universiti Teknologi Brunei meraih 4 bintang pada penilaian keseluruhan QS, dan juga dengan beroperasinya Pusat Kepimpinan dan pembelajaran Sepanjang hayat, Universiti Islam Sultan Sharif Ali," titah Baginda.

Ditambah lagi dengan pembukaan Pusat Global UBD-FPT di Republik Sosialis Viet Nam baru-baru ini, Kebawah DYMM percaya ini semua adalah bukti kecemerlangan jua.

Di bidang sosio-ekonomi, titah baginda, kerajaan telah menyediakan pelbagai kemudahan bagi membantu perusahaan-perusahaan mikro, kecil dan sederhana, untuk melangkah lebih jauh, sehingga ke pasaran antarabangsa. Ini termasuk penubuhan Bank Usahawan yang akan memulakan operasinya pada awal tahun 2018.

Sempena Tahun Baharu Masihi 2018, Kebawah DYMM juga merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua peringkat warga perkhidmatan awam termasuk mereka yang berkhidmat di sektor swasta, serta pasukan-pasukan keselamatan, di atas usaha gigih mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing di sepanjang tahun 2017.

Sebelum mengakhiri titah, Kebawah DYMM bersama keluarga turut merakamkan ucapan Selamat Tahun Baharu Masihi 2018 kepada seluruh rakyat dan penduduk di negara ini, termasuk mereka yang berada di luar negara dan berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan melimpahkan rahmat-Nya kepada kita semua.

# Hubungan kerjasama dengan negara sahabat terus erat

**Oleh : Hajah Siti Muslihat Haji Salleh, Bolhassan Haji Abu Bakar**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 31 Disember. - Negara Brunei Darussalam akan terus memupuk dan mengeratkan hubungan serta kerjasama dengan negara-negara sahabat, di samping menghulurkan bantuan-bantuan kemanusiaan kepada pihak-pihak yang memerlukan, selaras dengan kemampuan kita.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyuarakan perkara tersebut dalam Titah Perutusan baginda sempena Menyambut Awal Tahun Baharu Masihi 2018.

Dalam hal itu, baginda merasa bangga atas inisiatif dan sambutan orang ramai yang telah menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada masyarakat Rohingya dan kepada mereka yang memerlukan.

Baru-baru ini, titah baginda, Brunei Darussalam adalah antara 57 buah negara anggota OIC telah menyuarakan sokongan penyelesaian bagi sebuah negara Palestin yang merdeka dengan Baitulmaqdis Timur menjadi ibu negaranya.

"Beta juga menegaskan dalam Sidang Kemuncak Luar Biasa OIC di Istanbul itu tentang pentingnya perpaduan umat Islam pada masa ini berbanding sebelumnya," titah baginda.

Pendirian kita, titah baginda, adalah tegas untuk melihat dunia ini dipenuhi dengan keadilan, tanpa siapapun merasa teraniaya oleh sebarang bentuk penindasan dan pencerohohan.

### INTI SARI TITAH

- **Kerjasama erat pihak kerajaan, swasta dan rakyat dalam mendukung Brunei Maju.**
- **Kejayaan Universiti Teknologi Brunei meraih 4 bintang pada penilaian QS.**
- **Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat, Universiti Islam Sultan Sharif Ali mula beroperasi.**
- **Pembukaan Pusat UBD-FPT di Republik Sosialis Viet Nam.**
- **Penubuhan Bank Usahawan yang akan beroperasi pada awal tahun 2018.**
- **Pindaan Akta dan Peraturan Pencen dan Elaun Kurang Upaya berkuat kuasa 1 Januari 2018.**
- **Elaun Kurang Upaya juga dihulurkan kepada yang berumur di bawah 15 tahun.**
- **Negara terus pupuk dan erat kerjasama dengan negara sahabat serta menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada pihak memerlukan.**

## Dari Sidang Pengarang.

**1 JANUARI 2018 BERSAMAAN 1438 ربيع الأخير 14**

### PASTIKAN SASARAN "BRUNEI MAJU" DICAPAI

BEGITU cepatnya masa berlalu, tahun 2017 sudah melambai meninggalkan pergi, meninggalkan beribu memori, memahat pengalaman pahit dan manis. Maka tahun 2018 pula menyapa diucapkan selamat datang dengan penuh harapan agar ia akan melakar memori yang lebih manis berbanding sebelumnya.

Antara pengalaman dan memori yang tidak mungkin akan dapat dilupakan pada tahun 2017 ialah Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta. Amatlah bertuah bagi mereka yang menyaksikan sambutan ini sendiri dan sudah tentu akan dijadikan ristaan untuk generasi-generasi yang akan datang.

Dengan tahun baharu 2018, setentunya pelbagai harapan dan azam ditanam dalam semangat dan minda masing-masing. Azam melangkah ke tahun baharu dengan semangat positif, ke arah penambahbaikan diri dan matlamat paling utama untuk berjaya di dunia dan akhirat. Mudah-mudahan jua dengan azam dan semangat ini akan mendekatkan lagi negara ke arah mencapai sasaran Wawasan 2035.

Marilah kita sama-sama menghayati antara petikan titah perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut Awal Tahun Baharu Masihi 2018.

"Dari tahun ke tahun, kita adalah semakin hampir kepada tempoh sasaran bagi Wawasan 2035. Tempoh itu semakin ia menghampiri kita, maka semakin besarlah tanggungjawab untuk kita mempastikan bahawa, langkah kita tidaklah ke mana-mana, melainkan hanya terarah kepada sasaran sahaja, sehingga tercapainya matlamat 'Brunei Maju'."

Ke arah mendukung matlamat ini, titah baginda, negara memerlukan kerjasama erat di antara pihak kerajaan, swasta dan rakyat seumumnya. Ini adalah kerana kerjasama itu akan menjadikan iklim perniagaan dan perusahaan bertambah mudah, dan sekali gus akan menjadikan negara juga lebih menarik di mata pelabur-pelabur asing.

Baginda juga menyentuh mengenai pindaan ke atas Akta dan Peraturan Pencen dan Elaun Kurang Upaya yang mana melalui pindaan ini, elaun kurang upaya akan dapat juga dihulurkan kepada mereka yang berumur di bawah 15 tahun, yang layak pada kadar tertentu. Pindaan ini akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018. Ini membuktikan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam begitu mengambil berat akan kesejahteraan setiap peringkat dan lapisan masyarakat dan tidak ada yang diabaikan.

Tahun 2018 sudah tiba, mulakanlah tahun baharu ini dengan semangat yang positif ke arah mencapai apa yang dihasratkan. Gunakanlah masa yang ada dengan sewajarnya, kerahkan tenaga ke arah penambahbaikan, sentiasa menanam semangat keikhlasan dan kejujuran dalam apa jua perkara yang dilaksanakan.

Semoga Negara Brunei Darussalam sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala dari apa jua musbah dan sentiasa dalam keamanan serta kemakmuran. Selamat Tahun Baharu 2018. **- Ketua Penyuntingan (Ss).**

### RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| BANDAR SERI BEGAWAN | 30 / 24 °C | 31 / 24 °C | 32 / 25 °C |
| PEKAN BANGAR | 30 / 23 °C | 30 / 23 °C | 32 / 25 °C |
| PEKAN TUTONG | 31 / 25 °C | 30 / 24 °C | 32 / 25 °C |
| KUALA BELAIT | 31 / 24 °C | 32 / 24 °C | 31 / 25 °C |

Wallahualam Bissawab
Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam
www.met.gov.bn
Talian Cuaca 114
Brunei WX App

### WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:*
*"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

| Masihi JANUARI | HARI | Hijrah RABIULAKHIR | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | ISNIN | 14 | 4.55 | 5.05 | 6.28 | 6.52 | 12.25 | 3.46 | 6.19 | 7.34 |
| 2 | SELASA | 15 | 4.55 | 5.05 | 6.29 | 6.53 | 12.25 | 3.47 | 6.19 | 7.34 |
| 3 | RABU | 16 | 4.56 | 5.06 | 6.29 | 6.53 | 12.26 | 3.47 | 6.20 | 7.34 |
| 4 | KHAMIS | 17 | 4.56 | 5.06 | 6.30 | 6.54 | 12.26 | 3.48 | 6.20 | 7.35 |
| 5 | JUMAAT | 18 | 4.57 | 5.07 | 6.30 | 6.54 | 12.26 | 3.48 | 6.21 | 7.35 |
| 6 | SABTU | 19 | 4.57 | 5.07 | 6.30 | 6.54 | 12.27 | 3.98 | 6.21 | 7.36 |
| 7 | AHAD | 20 | 4.58 | 5.08 | 6.31 | 6.55 | 12.27 | 3.49 | 6.22 | 7.36 |

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

### TALIAN KECEMASAN

AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998 | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, JABATAN PENGANGKUTAN DARAT, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123 | NDMC 2380214

# Berangkat sertai The Alpha Obstacle Challenge 2017




BERANGKAT menyertai The Alpha Obstacle Challenge 2017 ialah paduka-paduka anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, YTM Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim dan YTM Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah.



YANG Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim semasa berangkat menyertai The Alpha Obstacle Challenge 2017.



YANG Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah semasa menyertai The Alpha Obstacle Challenge 2017.

**Berita dan Foto : Haji Ariffin bin Mohamad Noor / Morshidi**

**BERAKAS,** Ahad, 31 Disember. - Dalam sama-sama memeriahkan Festival Disember Brunei 2017 yang telah memasuki hari terakhir, D'Sunlit Sendirian Berhad telah menganjurkan The Alpha Obstacle Challenge 2017 yang berlangsung di Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas, di sini.

Berangkat menyertai The Alpha Obstacle Challenge 2017 ialah paduka-paduka anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah yang menyertai Kategori 2 Kilometer.

Acara pelepasan disempurnakan oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, selaku tetamu kehormat.

Terdahulu dalam sembah alu-aluan Pengarah Urusan D'Sunlit Sendirian Berhad, Awang Jackson Ting, kejohanan tersebut tidak hanya akan mencabar kekuatan fizikal malah turut mencabar kekuatan mental.

Lebih 500 peserta bersaing dalam kejohanan yang julung-julung kalinya diadakan.

Juga hadir ialah Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Awang Wardi bin Haji Mohd. Ali dan para pegawai dari Jabatan Kemajuan Pelancongan.






MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat hadir selaku tetamu kehormat semasa menyertai para peserta The Alpha Obstacle Challenge 2017 pada sesi pemanasan badan (kiri). Manakala gambar kanan, para peserta The Alpha Obstacle Challenge 2017 semasa memulakan cabaran mereka.

# Penutupan sementara jeti, laluan menuju kawasan Kianggeh

**Siaran Akhbar :**
**Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 30 Disember. - Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam mengingatkan kepada pelaut-pelaut terutama kepada para pemandu bot tambang bahawa penutupan sementara jeti Kianggeh dan laluan menuju ke kawasan Tamu Kianggeh adalah disebabkan oleh isu-isu keselamatan.

Ini termasuklah kawasan Dermaga Diraja, Bandar Seri Begawan berdekatan dengan Musholla Haji Abbas Sulaiman dan menuju ke jeti Kianggeh.

Jeti berdekatan Musholla Haji Abbas Sulaiaman adalah dengan ini ditutup buat sementara waktu dan orang ramai diminta untuk menggunakan jeti-jeti lain.

Selain itu, laluan air menuju ke Tamu Kianggeh juga ditutup buat sementara waktu.

Sehubungan itu, para pelaut adalah diingatkan untuk sentiasa memakai jaket keselamatan; memandu bot dengan perlahan dan berhati-hati serta berwaspada terhadap pengaruh cuaca, ombak juga angin pada bot masing-masing.

# Skim Miftaahun Najaah tingkatkan akademik pelajar



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menyerahkan bantuan persekolahan Skim Miftaahun Najaah kepada salah seorang wakil.

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Ihsan Kementerian Pendidikan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 30 Disember. - Seramai 13,043 pelajar menerima bantuan persekolahan Skim Miftaahun Najaah yang terdiri daripada 6,845 pelajar sekolah Rendah; 6,111 pelajar sekolah Menengah dan 87 pelajar peringkat Pra Universiti sesi pagi persekolahan 2018, yang berlangsung di Dewan Utama, Bangunan Baharu Kementerian Pendidikan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan bantuan berkenaan, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya pengagihan bantuan persekolahan Skim Miftaahun Najaah Tahun 2018 kepada wakil-wakil dari 32 sekolah rendah.

Bantuan persekolahan yang dikenali sebagai Skim Miftaahun Najaah yang bermaksud 'Kunci Kejayaan' telah bermula sejak tahun 2011.

Antara tujuan utama bantuan persekolahan skim tersebut adalah untuk meringankan beban para ibu bapa dan penjaga yang kurang berkemampuan membeli keperluan persekolahan dengan harapan semua pelajar akan mendapat akses pada pendidikan, mengelakkan keciciran dalam pelajaran dan meningkatkan pencapaian akademik pelajar.

Setiap sekolah kerajaan mempunyai Ahli Jawatankuasa Skim Miftaahun Najaah yang bertanggungjawab bagi mengagihkan bantuan persekolahan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti skim tersebut.

Bagi sesi persekolahan 2018 ini, pelajar-pelajar skim tersebut diberikan bantuan persekolahan berupa pakaian seragam, buku kerja dan pengecualian bayaran yuran.





ANTARA yang hadir pada majlis tersebut (kiri dan kanan).

# Masjid terima wakaf kereta jenazah







PENAUNG Takmir Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Mohd. Jaafar bin Haji Abd. Aziz semasa menyerahkan replika kunci Kereta Jenazah kepada Imam Masjid, Awang Haji Zamhari bin Haji Ibrahim (kiri), sementara gambar kanan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Mohd. Jaafar semasa menabur bunga rampai ke atas Kereta Jenazah tersebut.

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Masri Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 31 Disember. - Koperasi Serbaguna Persatuan Buhur (KSPB) Kampung Jerudong Berhad dengan kerjasama Majlis Perundingan Kampung Jerudong dan Takmir Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong mengadakan Majlis Penyerahan Wakaf berupa sebuah Kereta Jenazah dan Peralatan Sampingan bagi Pengurusan Jenazah berlangsung di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Penaung Takmir Masjid tersebut, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Mohd. Jaafar bin Haji Abd. Aziz.

Pada majlis tersebut, penyerahan anak kunci disampaikan oleh Pengerusi KSPB, Awang Haji Arifpen bin Abas kepada tetamu kehormat yang kemudiannya menyerahkan kepada imam masjid berkenaan, iaitu Awang Haji Zamhari bin Haji Ibrahim.

Majlis kemudian diteruskan dengan menabur bunga rampai disertai dengan laungan tiga kali takbir dan selawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Juga hadir ialah Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar, Lt. Kolonel (B) Dato Paduka Haji Mohd. Samit bin Haji Abd Aziz dan Dato Seri Laila Jasa Haji Mohd Salleh bin Haji Hidup.

Wakaf kereta jenazah tersebut dihasrat dapat memudahkan urusan pengebumian jenazah di Kampung Jerudong dan sekitarnya.

Beberapa buah peralatan yang turut diwakafkan antaranya sebuah kem, sebuah generator 750 watt dan beberapa perkakas pertukangan seperti gergaji, tukul dan sebagainya.

Dengan penyerahan wakaf kereta jenazah tersebut, Masjid Al-Ameerah Al Hajah Maryam kini memiliki dua buah kereta Jenazah. Semoga wakaf amal khairat daripada para penyumbang mendapatkan ganjaran pahala dari Allah Subhanahu Wata'ala.

# PPNBD adakan bacaan Surah Yaa Siin, Doa Kesyukuran



MENTERI Perhubungan, yang juga selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat (kiri) semasa menerima cenderamata daripada Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD).



YANG Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa semasa memimpin bacaan Surah Al-Fatihah.

**BERIBI**, Ahad, 31 Disember. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) akan menyambut Ulang Tahun Ke-85 Pergerakan Pengakap di Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 2018.

Sehubungan itu, Majlis Membaca Surah Yaa Siin sebanyak 85 Kali, Tahlil dan Doa Kesyukuran diadakan bertempat di Balai Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Menteri Perhubungan, yang juga selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat.

Turut hadir ialah Naib-naib Yang Dipertua PPNBD, Timbalan Presiden PPNBD, Pengiran Abd. Wahab bin Pengiran Haji Hassan dan Awang Haji Metussin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba; Bendahari Agung PPNBD Pengiran Alit bin Pengiran Haji Damit; Ketua Pesuruhjaya, Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali; Timbalan Ketua Pesuruhjaya, Haji Awang Ismail bin Pehin Orang Kaya Ratna Setia Dato Setia Haji Awang Abdul Hapidz; Pesuruhjaya Antarabangsa, Awang Abdul Manan bin Haji Abdul Latip; Setiausaha Agung PPNBD, Haji Zainuddin bin Haji Jaafar, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Pengakap, Penolong-penolong Pesuruhjaya, Pemimpin-pemimpin Pengakap dan Ahli-ahli Pengakap.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh tetamu kehormat majlis dan seterusnya diikuti dengan membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran.

Antara tujuan majlis tersebut diadakan adalah untuk menyemarakkan serta memeriahkan Sambutan 85 Tahun Pergerakan Pengakap di Negara Brunei Darussalam. Di samping itu, Majlis Tahlil yang diadakan adalah bagi pemimpin-pemimpin juga Ahli-ahli Pengakap yang telah kembali ke rahmatullah. Selain sebagai bentuk kesyukuran kerana pergerakan ini telah mencapai usia 85 tahun.

PPNBD merupakan salah satu persatuan belia yang tertua di negara ini. Pergerakan Pengakap di Negara Brunei Darussalam mula ditubuhkan pada Januari 1933 di Sekolah Pekan Melayu Brunei oleh Allahyarham Dato Paduka Haji Marsal bin Maun.

Semenjak dari itu, pergerakan ini tersebar di ke empat-empat daerah, pelbagai perkembangan dan perubahan dialami oleh PPNBD sehinggalah menjadi ahli penuh ke-117 Pergerakan Pengakap Sedunia (World Organization of Scout Movement - WOSM) pada 1 Julai 1981.

**Siaran Akhbar dan Foto :
Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam**

# Capai kedamaian, ketenteraman jiwa dengan Zikrullah



PEGAWAI Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Fansuri Sharimi @ Mansur bin Mohamad Ali mengongsikan tazkirah bertajuk 'Kehebatan Zikrullah' pada Program Masjidku Makmur, Negara Berkat.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 31 Disember. - Menyebut nama Allah Subhanahu Wata'ala, mengerjakan Solat Fardu dan Sunat, membaca Al-Quran Al-Karim, berdoa untuk memohon hasanah (kebajikan) di dunia dan akhirat merupakan Zikrullah.

Menjauhkan diri dari melakukan maksiat dan dosa, bekerja untuk menyara keluarga, menuntut Ilmu Fardu Ain dan Fardu Kifayah juga merupakan Zikrullah.

Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Fansuri Sharimi @ Mansur bin Mohamad Ali mengongsikan tazkirah bertajuk 'Kehebatan Zikrullah' pada Program Masjidku Makmur, Negara Berkat di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di sini.

Jelasnya, Zikrullah memiliki kehebatan dan kelebihan tersendiri, yang mana manusia hanya mampu mengetahui sedikit sahaja. Zikrullah tersebut jika diamalkan bersungguh-sungguh oleh seseorang, ia akan mencapai kedamaian dan ketenteraman jiwa.

Hadir bersama jemaah masjid ialah Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Roslan bin Haji Taja'ah dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

Program melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), PDI dan Bahagian Kemajuan Syiar Islam dengan kerjasama Masjid Omar 'Ali Saifuddien merupakan satu program mingguan dan ajakan bagi mengalu-alukan jemaah meningkatkan kehadiran untuk memakmurkan masjid dan seterusnya bersama-sama secara istiqamah (berterusan) mendirikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah pada awal waktu di masjid.

Masjid adalah ibarat Rumah Allah dan sesungguhnya menghadirkan diri beribadah ke masjid serta mendirikan sembahyang secara berjemaah itu mempunyai kelebihan darjat berbanding sembahyang secara perseorangan.

Ia turut memberikan peluang kepada para pengunjung bersempena acara Bandarku Ceria, memulakan langkah dan keceriaan hari mereka dengan meraih keberkatan melalui partisipasi menunaikan tuntutan sembahyang fardu secara berjemaah dan merebut ganjaran pahala melalui bacaan wirid-wirid selepas sembahyang serta kegiatan keagamaan yang diaturkan.

Program tersebut diharap akan dapat menghidupkan amalan sunnah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping dapat menimbulkan rasa persamaan di antara umat Islam dalam melaksanakan sembahyang berjemaah dan amal ibadat bersama-sama.

Makmurnya masjid-masjid di negara ini adalah antara landasan kita bagi menggandakan amal kebajikan dan meraih keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala bagi diri kita, keluarga juga negara.

**Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Hal Ehwal Ugama**

# Malam Penghargaan sempena Festival Disember Brunei




MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong (kiri) ketika menyampaikan sijil penyertaan kepada vendor yang menjayakan Brunei December Festival 2017.

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**JERUDONG**, Ahad, 31 Disember. - Lembaga Pelancongan Brunei telah melancarkan Pakej Bandar Seri Begawan dan Kampong Ayer dan juga mempromosikan Pakej Destinasi Tutong, Pakej Destinasi Belait dan melancarkan Pakej Menyelam Brunei.

Perkara itu dijelaskan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong pada Majlis Malam Penghargaan sempena Festival Disember Brunei 2017 yangberlangsung di The Empire Hotel & Country Club, Jerudong.

"Saya berbangga bahawa kita telah berjaya menganjurkan kalender yang penuh dengan peristiwa menarik dari setiap genre termasuk Minggu Gastronomi Brunei, aktiviti Kesenian dan bulan ini, kami telah memulakan Brunei December Festival, yang menawarkan pelbagai acara seperti Festival Makanan Antarabangsa, Festival Kesenian dan Persembahan, Islam dan Kebudayaan dan pelbagai aktiviti yang menyeronokkan," jelas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, ada beberapa acara kemuncak dalam Festival Disember Brunei sepanjang empat minggu yang lalu termasuk '2nd Jewel Night Run' anjuran Organisasi CARE yang disertai lebih daripada 500 peserta termasuk dari Norway, Columbia dan Maghribi.

Kira-kira 50 peserta antarabangsa jelas Yang Berhormat, menyertai 'Brunei Off Road Challenge' anjuran Persatuan Kereta Tahan Lasak Brunei dan bagi acara 'Mountain Trail Bike Temburong' disertai seramai 43 peserta antarabangsa.

Festival Disember Brunei yang diungkayahkan oleh Lembaga Pelancongan Brunei dengan kerjasama sektor swasta serta pihak berkepentingan yang berkaitan, dengan matlamat meningkatkan jumlah ketibaan pelancong ke negara ini dengan membangunkan acara kalendar tahunan untuk menarik pelawat tempatan dan antarabangsa.

Festival tersebut turut melibatkan lebih 500 sukarelawan dari empat daerah untuk turut serta dalam pengurusan operasi, logistik dan aktiviti.




# Brunei Film Blitz melabuh tirai



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali (dua, kiri) semasa menyampaikan hadiah kepada pemenang 48 Hour Film Blitz, 'Black Cat' Liyana Hanif yang dianjurkan oleh Brunei Film Blitz.


MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong (kanan) semasa hadir pada Majlis Penyampaian Hadiah Film Blitz anjuran Brunei Film Blitz yang berlangsung di Ruang Legar The Empire Hotel & Country Club, Jerudong.



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali (tengah) semasa menyampaikan hadiah bagi Kategori Terbuka 'Selamat Malam' Visionary Project yang membawa pulang BND5,000.

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**JERUDONG,** Ahad, 31 Disember. - 'Black Cat' Liyana Hanif memenangi BND 10,000 bagi 48 Hour Film Blitz yang dianjurkan oleh Brunei Film Blitz, manakala 'Wish You Were Here' Malek Razak menjuarai Kategori Sebutan Juri Khas, sementara 'Selamat Malam' Visionary Project membawa pulang BND5,000 bagi Kategori Terbuka.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Turut berangkat, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hajah Nurul Amal Munjiyyatul Athirah binti Pengiran Sura Negara Pengiran Anak Haji Muhammad Bey Muntassir.

Selepas tiga hari pengeluaran dan saringan filem yang sengit, Brunei Film Blitz telah melabuh tirainya dengan penganugerahan hadiah kepada para pemenang yang diadakan di Ruang Legar The Empire Hotel & Country Club, Jerudong.

# Dayang Aishah juarai The Nyirik Culinary Challenge





ISTERI Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pelancongan dan Sumber-Sumber Utama (KSSUP), Dayang Nor Faridah binti Ahad hadir selaku tetamu kehormat The Nyirik Culinary Challenge (kiri dan kanan).

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 31 Disember. - Resipi masakan kuih Pancit dan kuih Kuchi daripada Dayang Aishah binti Hassan, 64 tahun dari Kampung Perpindahan Rimba Awam menjadi pilihan para juri The Nyirik Culinary Challenge sebagai juara pada cabaran kulinari yang diadakan di Dermaga Diraja, di ibu negara.

Pada cabaran kulinari itu, Dayangku Nurul Ani Hafizah binti Pengiran Azman, 22 tahun dari Kampung Kilanas meraih tempat kedua, manakala tempat ketiga dimenangi oleh Awang Amiruddin bin Haji Shahrin, 27 tahun, dari Kampung Menunggol Laut, yang mana masing-masing menghasilkan resipi kuih Puteri Mandi dan kuih Puteri Mandi Berwarna-Warni.

Hadir selaku tetamu kehormat seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah isteri Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pelancongan dan Sumber-Sumber Utama (KSSUP), Dayang Nor Faridah binti Ahad.

Terdahulu, tetamu kehormat menyaksikan demo masakan oleh para peserta dan kemudian merasa masakan berkenaan yang dihakimi oleh para juri terdiri daripada cef-cef Hotel Antarabangsa Rizqun, Royal Brunei Catering dan Brunei Hotel.

Cabaran kulinari anjuran bersama Eko Kampung dan Eco Ponies Garden dengan sokongan KSSUP tersebut juga diadakan di keempat-empat daerah sempena Brunei December Festival (BDF) 2017.

## RALAT

**BERITA** bertajuk "Dua hektar tanah diberi bagi skim Brunei GAP" yang tersiar dalam akhbar ini, terbitan pada Sabtu, 12 Rabiulakhir 1439 bersamaan 30 Disember 2017 hendaklah dibaca "Para peladang digalakkan menyertai skim Brunei GAP." - Penyunting.

# The Spotlight tampilkan belia berbakat



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 30 Disember. - Sebanyak 12 peserta mempersembahkan bakat masing-masing pada The Spotlight sempena Festival Disember Brunei 2017 dengan membawakan pelbagai persembahan dalam bidang nyanyian, silap mata, tarian, permainan yoyo dan sebagainya.

Hadir menyaksikan persembahan yang berlangsung di Sekolah Antarabangsa Jerudong, di sini ialah Pemangku Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Kemajuan Pelancongan, Awang Haji Mohammad Zamree bin Haji Junaidi.

Persembahan tersebut dikelolakan oleh Living Momentsbn dan disokong oleh Lembaga Pelancongan Brunei yang diadakan bertujuan bagi menampilkan bakat para belia negara ini.

**PEMANGKU Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis The Spotlight sempena Festival Disember Brunei 2017.**



**ANTARA pengunjung yang hadir bagi menyaksikan pelbagai persembahan pada Majlis The Spotlight sempena Festival Disember Brunei 2017.**



**ANTARA Persembahan para perserta yang mempunyai bakat dalam bidang permainan yoyo.**

# Dukung inisiatif KSSUP, jana produktiviti padi





**PENGARAH Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd. Hanifah (tengah) menyampaikan sijil kepada peserta yang menyertai kursus Teknologi Peningkatan Pengeluaran Menggunakan Padi Hibrid (kiri dan kanan).**

Berita dan Foto : Rohani Haji Abdul Hamid

**RIMBA**, Sabtu, 30 Disember. - Seramai 25 peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Institut Pendidikan Teknikal Brunei : Kampus Agroteknologi serta peladang-peladang padi tempatan yang berjaya menamatkan kursus Teknologi Peningkatan Pengeluaran Menggunakan Padi Hibrid menerima sijil tamat kursus.

Majlis berlangsung di Dewan Simpur, Pusat Urusniaga Hortikultur Rimba, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada peserta ialah Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd. Hanifah.

Turut hadir, Ketua Pejabat Komersil dan Ekonomi daripada Kedutaan Besar China ke Negara Brunei Darussalam, Puan Ning Bo, Charge d'Affaires ad Interim, Tuan Zhu Rong dan pegawai-pegawai kanan serta pegawai juga kakitangan jabatan berkenaan.

Kursus tersebut dianjurkan bersama oleh jabatan berkenaan dan Yuan Longping High-Tech Agriculture Company Limited dengan bantuan Kementerian Perdagangan, Republik Rakyat China, yang mana ia mula dijalankan pada 15 November hingga 28 Disember 2017 di negara ini dengan dikendali oleh lima tenaga pengajar dari syarikat berkenaan.

Dalam pada itu, kursus tersebut merupakan kerjasama berterusan di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China dalam bidang penanaman padi bagi mendukung inisiatif Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk meningkatkan produktiviti padi di negara ini menjadi 12 metrik tan sehektar pada tahun 2020 di ladang-ladang berpengairan untuk memastikan kedayatahanan pengeluaran padi tempatan.

Melalui kerjasama yang dijalankan itu, diharapkan negara ini akan dapat mengenal pasti varieti-varieti padi berhasil tinggi, yang mana adalah sesuai dengan agro-iklim di negara ini, di samping membangunkan kapasiti peladang-peladang tempatan dalam teknologi padi hibrid.

# Operasi Sepadu Tahun Baharu sasarkan lapan lokasi

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad




IBU negara, Bandar Seri Begawan salah satu tempat lokasi Operasi Sepadu dijalankan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 30 Disember. - Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas (JSKLL), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) berserta Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) melaksanakan Operasi Sepadu Tahun Baharu, malam ini.

Operasi Sepadu bagi Daerah Brunei dan Muara diketuai oleh Pemangku Ketua Bahagian Operasi dan Penguatkuasa, DSP Awang Hamri Aslan bin Haji Abu Hanafiah dan Ketua Unit Penguatkuasa JSKLL, ASP Pengiran Omar Ali bin Pengiran Manshor.

Operasi yang menyasarkan sebanyak lapan buah lokasi tersebut bermula jam 10.00 malam yang menumpukan di kawasan Lebuhraya Jerudong menuju Bukit Shahbandar, Lebuhraya menghala ke Bandar Seri Begawan, Jalan Raya Gadong, Jalan Jerudong, Jalan Mabohai, Jalan Utama Berakas dan Bandar Seri Begawan.

Operasi bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pengguna-pengguna jalan raya mengenai undang-undang negara termasuk undang-undang berhubung kastam. Secara am menunjukkan keberadaan Agensi-agensi Penguatkuasa Undang-undang (Law Enforcement Agencies).

PPDB menasihatkan kepada orang ramai supaya akan sentiasa mematuhi undang-undang lalu lintas bagi mengelakkan diambil tindakan undang-undang ke atas mereka.

---

**Minda pembaca**

**Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :**

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**
1. **'Pendidikan Berkualiti Lahirkan Rakyat Berkemahiran'.** Tarikh Tutup : **3 Januari 2017**
2. **'Bersama Menjaga Keselamatan Di Jalan Raya'.** Tarikh Tutup : **10 Januari 2017**
3. **'Belia Masa Depan Bangsa Dan Negara'.** Tarikh Tutup : **17 Januari 2017**

**Terma dan Syarat :**
1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan **15 hingga 25 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**Sidang Pengarang, Minda Pembaca**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel :** ***pelita.brunei@information.gov.bn***

4. Penyertaan terbaik akan disiarkan dalam Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI dan pemenang akan menerima hadiah wang tunai sebanyak **BND75.00.**

Tunggu apa lagi... Hantarkan pendapat awda sekarang
e-mel ke: pelita.brunei@information.gov.bn

---

**LENSA**

*Awda kreatif, berbakat dan berminat dalam fotografi?*

**BERIKUT ADALAH TAJUK-TAJUK RUANG LENSA :**
1) 'Kanak-Kanak Masuk Sekolah' (tarikh tutup 6 Januari 2018)
2) 'Kanak-Kanak Belajar Mengaji' (tarikh tutup 20 Januari 2018)
3) Alat-alat muzik tradisi Brunei (tarikh tutup 10 Februari 2018)

TAJUK-TAJUK HENDAKLAH DIHANTAR SEBELUM JAM 12.00 TENGAH HARI



**TAJUK : 'Mercu Tanda'**
**Keterangan gambar : 'Seni bina berbentuk huruf 60 besar dalam tulisan jawi adalah bersempena usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun pembinaannya'.**
**Kamera : Canon 1200D (DSLR), ISO - 100, aperture f/9, shutter speed 1/640 sec**
**Nama pemenang : Ak. Md. Mu'izzuddin bin Pg. Ismail / Nombor I.C. : 01-089411**
**No. 26, Simpang 96-17, Kampung Sungai Buloh, Jalan Kota Batu.**

# Rentetan peristiwa tahun 2017 sebagai ristaan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menaiki Usongan Diraja pada Istiadat Perarakan Mengelilingi Bandar Seri Begawan sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Menaiki Takhta.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi mengadakan perjumpaan bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II, Queen of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland yang diadakan di Buckingham Palace, London.

Oleh : Meja Kandungan Khas

**SIRI II**

DARIPADA kejayaan, kegembiraan dan kesedihan, semua itu mewarnai 2017 sebagai tahun yang penuh dengan kepelbagaian peristiwa. Bagi mereka yang terlepas rentetan peristiwa tersebut, berikut berdasarkan rujukan, disenaraikan semula imbasan kronologi peristiwa penting sepanjang tahun 2017sebagai ristaan.

**JULAI**

**Keberangkatan Negara ke Republik Singapura**

REPUBLIK SINGAPURA, Isnin, 3 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, berangkat tiba di Republik Singapura bagi Keberangkatan Negara mulai 3 hingga 6 Julai 2017.

Salah satu majlis bersejarah yang mencerminkan kekukuhan hubungan dua hala di antara kedua-dua buah negara, yang akan berlangsung pada Keberangkatan Negara kali ini, di mana Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata Wang di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura akan menyaksikan Pelancaran Mata Wang Kenang-Kenangan sempena Jubli Emas Perjanjian tersebut.

**OGOS**

**Berangkat menghadiri Istiadat Persandingan Diraja**

JOHOR DARUL TA'ZIM, MALAYSIA, Isnin, 14 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Istana Besar Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim bagi Istiadat Persandingan Diraja Yang Amat Mulia Tunku Tun Aminah Maimunah Iskandariah binti Sultan Ibrahim dan Encik Dennis Muhammad Abdullah yang berlangsung di Balai Singgahsana dan juga Majlis Persantapan di Dewan Santapan.

**Sukan SEA 2017**

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Ogos. - Sukan SEA 2017 di Malaysia membuka tirainya dengan majlis perasmian di di Stadium Negara Bukit Jalil, Kuala Lumpur Malaysia. Penyertaan kontinjen Negara ke Sukan SEA kali Ke-29 itu dimeriahkan dengan penyertaan putera dan puteri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah iaitu Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dalam acara polo yang telah berjaya mengutip pingat gangsa. Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah selaku Pengurus Pasukan Bola Jaring negara juga berjaya meraih pingat gangsa.

**SEPTEMBER**

**Berangkat ziarahi jenazah YAM Pengiran Kerma Negara**

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menziarahi jenazah Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Negara Pengiran Anak Haji Abdul Wahab bin Pengiran Sabtu Kamaluddin di kediamannya di Kampung Pancha Delima.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah. Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Negara Pengiran Anak Haji Abdul Wahab telah kembali ke rahmatullah hari ini, jam 9.15 pagi, ketika berusia 86 tahun.

**Berangkat hadiri Istiadat Ziarah Penghormatan Terakhir bagi Al-Marhum DYMM Sultan Kedah Darul Aman**

KEDAH DARUL AMAN, MALAYSIA, Selasa, 12 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Negeri Kedah Darul Aman, Malaysia untuk menghadiri Istiadat Ziarah Penghormatan Terakhir bagi Al-Marhum Duli Yang Maha Mulia Sultan Al-Mu'tassimu Billahi Muhibbuddin Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Al-Haj ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Kedah Darul Aman yang diadakan di Istana Anak Bukit, Alor Setar, Negeri Kedah Darul Aman.

Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Al-Haj ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Kedah Darul Aman telah mangkat pada 2.30 petang, hari Isnin, 11 September 2017 di Istana Anak Bukit, Alor Setar, Kedah Darul Aman.

**OKTOBER**

**DPMM berkenan lancar Wang Polimer BND50 Kenang-Kenangan, Duit Syiling Kenang-Kenangan dan Duit Syiling Bagi Edaran Siri Ke-5 dan Buku-Buku Terbitan Jabatan Mufti Kerajaan**

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Authoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) berkenan berangkat ke Majlis Pelancaran Wang Polimer BND50 Kenang-Kenangan, Duit Syiling Kenang-Kenangan dan Duit Syiling Bagi Edaran Siri Ke-5 dan Buku-Buku Terbitan Jabatan Mufti Kerajaan 'Raja Melakar Sejarah' dan 'The King Who Shapes History' sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah Sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah DYMM Menaiki Takhta**

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Istiadat Mengadap Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Menaiki Takhta yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman.

'...menekankan bahawa tidak ada tembok pemisah di antara hubungan raja dengan rakyat'

'...kewajipan raja berlaku adil kepada rakyat, sementara kewajipan rakyat pula mentaati raja. Raja berkewajipan untuk mengetahui susah senang rakyat sementara rakyat pula dituntut untuk bersimpati kepada raja'.

Ke muka 12



SEBAHAGIAN daripada pertunjukan Bunga Api yang menyerikan Majlis Perasmian Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Menaiki Takhta.




DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat merasmikan salah satu kategori perlumbaan pada Lumba Perahu sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah DYMM Menaiki Takhta. Juga berangkat Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Dari muka 11

**Istiadat Perarakan Mengelilingi Bandar Seri Begawan Sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah DYMM Menaiki Takhta**

